5.1 Permohonan untuk melanggan Perkhidmatan e-Perbankan tertakluk pada Pemegang Akaun menyenggara Akaun yang sah dengan Bank dan mematuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

5.2 Pemegang Akaun boleh mendaftar untuk Perkhidmatan e-Perbankan dengan ID Pengguna dan Kata Laluan sementara melalui cawangan Bank atau ATM/CRM.

(a) Pendaftaran di cawangan Bank

Pemegang Akaun dikehendaki menghantar permohonan beliau untuk mendaftar Perkhidmatan e-Perbankan di cawangan Bank. Pemegang Akaun kemudiannya akan diberi ID Pengguna dan Kata Laluan sementara atau dikehendaki untuk memasukkan Kata Laluan enam (6) digit sementara melalui Tablet PIN Elektronik dan ID Pengguna sementara akan dihantar kepada Pelanggan melalui SMS.

(b) Pendaftaran melalui ATM/CRM

Pemegang Akaun yang mempunyai kad ATM/Kredit/Debit boleh mendaftar untuk Perkhidmatan e-Perbankan melalui ATM/CRM.

Sekiranya Pemegang Akaun memilih untuk melengkapkan proses pendaftaran melalui ATM/CRM, Pemegang Akaun dikehendaki untuk mencipta Kata Laluan enam (6) digit sementara beliau sendiri melalui ATM/CRM yang mana selepas itu ID Pengguna sementara akan diberi melalui slip ATM/CRM.

Selepas itu, Pemegang Akaun dikehendaki untuk membuat pendaftaran Perbankan Dalam Talian menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan sementara yang diperoleh di cawangan atau ATM/CRM Bank dan selepas itu, menggantikannya dengan ID Pengguna dan Kata Laluan pilihannya. Pemegang Akaun juga dikehendaki untuk memilih Soalan yang Mudah Diingati dan memberi jawapan kepada Soalan yang Mudah Diingati itu, mewujudkan Frasa Log Masuk Peribadi, memberi alamat e-mel dan memilih Paras Akses Profilnya.

5.3 Apabila pendaftaran berjaya dibuat, Pemegang Akaun boleh meneruskan untuk log masuk dalam Perkhidmatan e-Perbankan menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan baharunya. Namun, Pemegang Akaun yang memilih Profil Standard akan hanya “akses terhad” kepada Perkhidmatan e-Perbankan tersebut sehingga Pemegang Akaun berjaya memohon Token SecureSign dan/atau mengaktifkan PB SecureSign menurut Fasal 5.7 di bawah. “Akses terhad” bermaksud Pemegang Akaun hanya boleh melihat butiran tertentu berkaitan dengan Akaunnya dan membuat urus niaga tertentu seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Untuk penjelasan, Pemegang Akaun boleh membuat urus niaga pihak pertama kepada Akaun-akaun Pemegang Akaun yang disenggara dengan Bank, yang dipautkan kepada Perkhidmatan e-Perbankan tertakluk pada had urus niaga seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

5.4 Pemegang Akaun yang memilih Profil Standard boleh menukar Kata Laluan, Soalan yang Mudah Diingati dan/atau Jawapan bagi Soalan yang Mudah Diingati, Frasa Log Masuk Peribadi, alamat e-mel dan Paras Akses Profil pada bila-bila masa.

5.5 Apabila Pemegang Akaun berjaya mendaftar untuk Perkhidmatan e-Perbankan melalui Perbankan Dalam Talian, Pemegang Akaun juga akan diberi akses kepada Aplikasi Mudah Alih Bank. ID Pengguna dan Kata Laluan yang sama boleh digunakan untuk mengakses Aplikasi Mudah Alih Bank atau sebagai alternatif kepada Kata Laluan, log masuk biometrik juga boleh diaktifkan oleh Pemegang Akaun.

5.6 Pemegang Akaun dikehendaki memuat turun dan memasang Aplikasi Mudah Alih Bank pada Peranti Mudah Alihnya untuk akses kepada dan untuk menggunakan Aplikasi Mudah Alih Bank. Selain daripada Terma dan Syarat ini, Pemegang Akaun mengaku dan bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat storan aplikasi mudah alih berkenaan yang diterima pakai pada Peranti Mudah Alih Pemegang Akaun.

5.7 Bagi Pemegang Akaun dengan Profil Standard yang ingin membuat apa-apa urus niaga dalam talian dengan Akaun tersebut, Pemegang Akaun dikehendaki membuat mana-mana yang berikut:

(a) Memohon Token SecureSign

Pemegang Akaun dikehendaki memohon Token SecureSign di mana-mana cawangan Bank.

Selepas permohonan berjaya dan token diaktifkan oleh Cawangan, Pemegang Akaun boleh menggunakan Token SecureSign tersebut untuk meluluskan mana-mana urus niaga dalam talian tertakluk pada tempoh bertenang seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

(b) Mengaktifkan PB SecureSign

Selepas Aplikasi Mudah Alih berjaya dipasang pada Peranti Mudah Alih Pemegang Akaun, Pemegang Akaun dikehendaki mengaktifkan PB SecureSign melalui ATM, melalui mana-mana cawangan Bank atau dengan menghubungi Sokongan Pelanggan PBe Public Bank.

Selepas pengaktifan berjaya, Pemegang Akaun boleh menggunakan PB SecureSign untuk meluluskan mana-mana urus niaga dalam talian tertakluk pada tempoh bertenang seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

5.8 Pemegang Akaun yang telah mengaktfikan PB SecureSign dan/atau berjaya memohon Token SecureSign boleh:-

(a) Menyahaktifkan/Menamatkan PB SecureSign melalui Aplikasi Mudah Alih atau di mana-mana cawangan Bank atau dengan menghubungi Sokongan Pelanggan PBe Public Bank; dan/atau

(b) Menamatkan Token SecureSign di mana-mana cawangan Bank atau dengan menghubungi Sokongan Pelanggan PBe Public Bank.

Selepas PB SecureSign dinyahaktifkan/ditamatkan dan/atau Token SecureSign dinyahaktifkan/ditamatkan, Pemegang Akaun tidak lagi boleh membuat apa-apa urus niaga dalam talian melalui Perkhidmatan e-Perbankan dan hanya mempunyai “akses terhad” kepada Perkhidmatan e-Perbankan.

Bagi mengelakkan keraguan, e-Arahan Tetap sedia ada Pemegang Akaun yang diwujudkan atau urus niaga yang dibuat sebelum penyahaktifan/penamatan PB SecureSign dan/atau penamatan Token SecureSign akan kekal sah.

Pendaftaran oleh Pengguna Baharu

5.9 Mana-mana orang yang tidak mengekalkan apa-apa Akaun boleh mendaftar sebagai pengguna Aplikasi MyPB dengan cara yang berikut:-

(a) Memuat turun dan memasang Aplikasi MyPB pada Peranti Mudah Alihnya; dan

(b) Mendaftar dalam Aplikasi MyPB sebagai pengguna menggunakan mana-mana alamat e-mel yang sah.

5.10 Apabila penentusahan maklumat yang terdapat dalam Aplikasi MyPB berjaya dibuat, pengguna dikehendaki untuk:-

(a) Mencipta nama paparan dan PIN;

(b) Mengesahkan alamat e-mel beliau; dan

(c) Menerima Terma dan Syarat ini.

5.11 Atas permintaan pengguna, satu PAC akan dihantar ke alamat e-mel berdaftar dengan Bank semasa mendaftar sebagai pengguna bagi Aplikasi MyPB itu. Untuk menyempurnakan pendaftaran dengan jayanya, pengguna dikehendaki memasukkan nombor PAC tersebut.

5.12 Apabila pendaftaran berjaya dibuat, Pengguna Baharu boleh meneruskan untuk log masuk dalam Aplikasi MyPB menggunakan PIN atau sebagai alternatif kepada PIN, log masuk biometrik boleh diaktifkan oleh Pengguna Baharu.

5.13 Pengguna Baharu boleh menukar PIN dan tetapan log masuk biometriknya pada bila-bila masa.

5.14 Pengguna Baharu mempunyai akses kepada fungsi, produk dan/atau perkhidmatan terpilih yang ditawarkan dalam Aplikasi MyPB.

Akses kepada fungsi tertentu pada Peranti Mudah Alih Pelanggan

5.15 Aplikasi Mudah Alih Bank memerlukan kebenaran untuk mengakses fungsi tertentu pada Peranti Mudah Alih Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada kamera, kenalan, lokasi, penstoran dan telefon bagi pemasangan dan operasi yang optimum. Sekiranya Pelanggan enggan memberi atau mengehadkan akses kepada mana-mana fungsi, peruntukan produk dan/atau perkhidmatan tertentu pada Aplikasi Mudah Alih Bank mungkin terjejas.

Kod

5.16 Pelanggan tidak boleh mendedahkan Kod itu kepada mana-mana orang dan mesti mengambil langkah-langkah kewaspadaan dan keselamatan untuk mengelak penggunaan kod yang tidak dibenarkan dan berunsur penipuan.

5.17 Pelanggan tidak akan merekodkan Kod pada mana-mana perisian yang mengekalkannya secara automatik seperti ciri paparan segera pada skrin komputer atau “simpan kata laluan” atau pada penyemak seimbas Internet Pelanggan. Pelanggan hendaklah memastikan Perantinya tidak secara automatik menyimpan dan merekodkan Kod itu.

5.18 Pelanggan hendaklah memastikan Perantinya yang boleh digunakan untuk memulakan atau mengakses Perkhidmatan e-Perbankan itu selamat semasa Pelanggan menggunakan dan mengakses Perkhidmatan e-Perbankan itu.

5.19 Pelanggan bersetuju bahawa Kod itu amat sulit dan mengaku janji untuk tidak memaklumkan dan mendedahkankannya dalam apa jua cara sehingga menyebabkan Kod itu didedahkan kepada mana-mana orang termasuk kakitangan Bank melalui panggilan telefon, e-mel, pada mana-mana laman web atau aplikasi mudah alih selain daripada Perkhidmatan e-Perbankan. Apa-apa dokumen yang dihantar oleh Bank kepada Pelanggan berkenaan dengan Kod itu mesti dimusnahkan selepas Pelanggan membacanya.

5.20 Pelanggan perlu menghafal Kod itu dan memastikan tiada rekod ditulis mengenai Kod itu disimpan di mana-mana tempat atau dalam apa jua cara yang membolehkan pihak ketiga untuk mendapat akses atau menggunakan Kod itu.

5.21 Pelanggan tidak patut menggunakan Kata Laluan, PIN atau SecurePIN biasa seperti nombor kad pengenalan, pasport, tarikh lahir atau nombor telefon. Pelanggan hendaklah memastikan beliau menukar Kata Laluan, PIN atau SecurePINnya dari semasa ke semasa.

5.22 Sekiranya Pelanggan mengesyaki atau menyedari bahawa:-

(a) Orang yang tidak dibenarkan mengetahui Kodnya; atau

(b) Terdapat akses tidak dibenarkan dalam profil dan/atau akaunnya atau penggunaan Kodnya melalui Perkhidmatan e-Perbankan; atau

(c) Terdapat urus niaga yang meragukan atau luar daripada kebiasaan atau Akaun Pemegang Akaun telah diceroboh;

Pelanggan mesti menukar dengan segera Kod yang ada atau memohon Kod baharu, mana-mana yang berkenaan. Pelanggan juga mesti memaklumkan kepada Bank dengan segera (tidak lebih daripada dua puluh empat (24) jam pada bila-bila masa pun) kepada Sokongan Pelanggan PBe Public Bank dan memenuhi keperluan yang berikut:-

(a) Pelanggan mesti memberi Bank semua maklumat yang berkaitan dan bantuan yang munasabah untuk menyiasat perkara ini; dan

(b) Pelanggan mesti membuat susulan mengenai makluman di atas dengan pengesahan bertulis dan mengemukakan apa-apa dokumen yang diperlukan oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad pada salinan laporan polis yang dibuat berkenaan dengan pendedahan Kod tersebut atau akses tidak dibenarkan Perkhidmatan e-Perbankan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Kod tersebut didedahkan dan/atau akses Perkhidmatan e-Perbankan yang tidak dibenarkan.

Pemegang Akaun juga boleh menggunakan fungsi "*Kill Switch*" dengan menekan hiperpautan "*Kill Switch*" yang terdapat pada halaman log masuk Perbankan Dalam Talian. Fungsi "*Kill Switch*" membenarkan Pemegang Akaun untuk segera menyahdaya atau menyekat akses kepada semua akaun Pemegang Akaun yang disenggara dengan Bank (sama ada secara satu per satu atau bersekali) dan kesemua perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-

(a) Menyahdaya ID Pengguna untuk mengakses Perkhidmatan e-Perbankan;

(b) Menyahaktifkan kad kredit dan kad debit buat sementara;

(c) Membatalkan terus kad ATM atau kad debit PB Lifestyle yang dikeluarkan untuk akaun deposit/-i Pemegang Akaun; dan

(d) Menyahdaya apa-apa pengeluaran atau pindahan dana daripada semua akaun deposit/-i Pemegang Akaun melalui Perkhidmatan e-Perbankan atau melalui kad ATM atau kad debit PB Lifestyle, kad kredit atau kad debit (termasuk tetapi tidak terhad pada urus niaga di kaunter).

Sekiranya Pemegang Akaun ingin membatalkan fungsi "Kill Switch", Pemegang Akaun dikehendaki menghubungi Sokongan Pelanggan PBe Public Bank.

5.23 Tanpa mengira apa pun dalam fasal di atas, Bank boleh menyahaktifkan atau membatalkan kegunaan Kod ini pada bila-bila masa.

5.24 Pemegang Akaun hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada cawangan di mana Akaunnya disenggara sekiranya terdapat perubahan pada nombor telefon mudah alihnya dan/atau sekiranya ID Pengguna dan/atau Kata Laluannya telah diceroboh dalam apa jua cara.

5.25 Sekiranya Pemegang Akaun terlupa Kata Laluannya atau ID Pengguna telah dinyahaktifkan, Pemegang Akaun boleh menetapkan semula Kata Laluannya atau mengaktifkan semula ID Penggunanya dengan menekan pada hiper pautan '*Reset Password/Reactivate User ID*' yang terdapat pada halaman log masuk Perbankan Dalam Talian.

(a) Menetapkan semula menggunakan nombor Akaun Pemegang Akaun atau nombor kad ATM/Kredit/Debit (jika dibuat melalui perkhidmatan Perbankan Dalam Talian).

Pemegang Akaun dikehendaki menekan pada pautan 'Reset Password/ Reactivate User ID' yang disediakan pada halaman log masuk Perbankan Dalam Talian.

Pelanggan boleh memberi ID Pengguna PBe, nombor kad ATM/Debit/Kredit atau nombor akaun semasa/simpanan atau nombor akaun pinjaman/pembiayaan atau nombor akaun sewa beli/sewa beli-i dan nombor KP/pasport/nombor tenteranya. Apabila pengesahan maklumat berjaya dibuat, Pemegang Akaun boleh terus mencipta Kata Laluan baharu, diikuti dengan penentusahan permintaan untuk menetapkan semula Kata Laluan.

(b) Menetapkan semula menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan sementara (jika dibuat di cawangan Bank).

Pemegang Akaun dikehendaki memasukkan ID Pengguna dan Kata Laluan Sementara yang diperoleh daripada mana-mana cawangan. Apabila pengesahan berjaya dibuat, Pelanggan dikehendaki mencipta profil pengganti dengan memberi ID Pengguna dan Kata Laluan baharu. Pelanggan juga perlu memilih Soalan yang Mudah Diingati dan memberi jawapannya, mencipta Frasa Log masuk Peribadi dan memberi alamat e-melnya, diikuti dengan penentusahan permohonan untuk melengkapkan penggantian profil tersebut.

5.26 Sekiranya Pelanggan terlupa PIN atau SecurePINnya, Pelanggan boleh menetapkan semula PIN beliau dengan menyentuh pada hiper pautan '*Forgot PIN?*' atau '*Forgot SecurePIN?*' mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh didapati semasa log masuk Aplikasi Mudah Alih Bank.

Akaun Bersama

5.27 Perkhidmatan e-Perbankan tidak boleh didapati untuk Akaun Bersama yang mana mandat untuk pengendaliannya memerlukan lebih daripada satu tandatangan.

5.28 Bagi Akaun Bersama yang mandat bagi pengendaliannya adalah 'salah seorang menandatangani', setiap Pemegang Akaun bagi Akaun Bersama ini boleh membuat pautan pada Akaun Bersama itu kepada ID Pengguna mereka untuk Perkhidmatan e-Perbankan. Semua urus niaga yang dibuat melalui Perkhidmatan e-Perbankan berkaitan dengan Akaun ini akan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun bagi Akaun berkenaan secara bersesama dan berasingan.

Maklumat/Arahan/Urus Niaga

5.29 Pelanggan mewakilkan dan menjamin bahawa semua maklumat yang diberi kepada Bank melalui Perkhidmatan e-Perbankan adalah benar, betul dan lengkap.

5.30 Pemegang Akaun hendaklah mengesahkan semua butiran urus niaga sebelum menjalankan apa-apa urus niaga Perkhidmatan e-Perbankan dan menyemak urus niaga yang dijalankan menurut Arahannya pada waktu yang tepat dan secara biasa.

5.31 Semua Arahan yang diberi kepada Bank melalui Perkhidmatan e-Perbankan dikeluarkan secara sah dan hendaklah mengikat ke atas Pemegang Akaun.

5.32 Bank dan/atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga berhak untuk melaksanakan apa- apa Arahan atau urus niaga dan/atau bergantung pada apa-apa Arahan atau maklumat yang disediakan berkaitan dengan Kod ini. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang Pelanggan dan/atau pihak ketiga mungkin tanggung.

5.33 Pelanggan dinasihatkan agar log masuk dalam Perkhidmatan e-Perbankan secara berkala, bagi memastikan baki Akaun dan urus niaga yang dibuat adalah tepat. Apa-apa ketaknalaran atau ketidakseragaman dalam baki Akaunnya atau sejarah urus niaganya hendaklah dimaklumkan kepada Bank dengan segera.

5.34 Pelanggan bersetuju bahawa Arahan atau urus niaga yang diterima oleh Bank tidak boleh dibalikkan setelah diterima, diselesaikan oleh Bank atau sekiranya Bank bergantung kepadanya. Arahan yang diterima oleh Bank semasa Waktu Perniagaan mana yang munasabah akan dikuatkuasakan pada hari yang sama dengan syarat waktu tersebut mengikut amalan perbankan biasa, atau pada tarikh dan/atau waktu lain seperti yang Bank akan tentukan dengan mengambil kira amalan biasa jurubank.

5.35 Bank boleh menolak untuk melaksanakan apa-apa Arahan atau urus niaga Pemegang Akaun sekiranya Arahan atau urus niaga tersebut tidak konsisten dengan dasar Bank atau mana-mana undang-undang atau peraturan yang Bank tertakluk padanya atau oleh sebab yang lain.

5.36 Tanpa mengira apa juga fasal dalam Terma dan Syarat ini, Bank berhak untuk menggantung atau membekukan pengendalian Akaun tersebut sekiranya terdapat apa-apa pertikaian pada mandat atau tandatangan dibenarkan Akaun berkenaan.

Kegunaan dan Akses

5.37 Akses dan kegunaan Akaun ini oleh Pemegang Akaun melalui Perkhidmatan e-Perbankan akan diatributkan kepada Pemegang Akaun apabila log masuk menggunakan Kod berjaya dibuat.

5.38 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa beliau tidak mengunakan Perkhidmatan e-Perbankan pada apa-apa

Peranti atau sistem pengoperasian yang tidak memenuhi keperluan sistem yang minimum atau telah diubah suai di luar konfigurasi Peranti atau sistem pengoperasian vendor yang disokong atau dijamin. Ini termasuk Peranti Mudah Alih yang telah dibebaskan daripada pengehadan yang dikenakan ke atas perisian asal oleh pembuat telefon atau pemilik proprietari sistem pengoperasian yang dikenali sebagai "*jail-broken*" atau "*rooted*".

5.39 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa beliau memuat turun Aplikasi Mudah Alih Bank daripada Apple App Store, Google Play Store atau Huawei AppGallery dan tidak akan memasang Aplikasi Mudah Alih melalui pihak ketiga atau perkhidmatan yang tidak ditawarkan oleh sistem pengoperasian Peranti Mudah Alih mereka.

5.40 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa beliau tidak menggunakan Perkhidmatan e-Perbankan dalam persekitaran yang boleh menjejaskan ciri-ciri keselamatan, fungsi atau maklumat peribadi Pelanggan Perkhidmatan e-Perbankan.

5.41 Pelanggan hendaklah memastikan beliau log keluar daripada Perkhidmatan e-Perbankan pada mana-mana Peranti yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan e-Perbankan.

5.42 Pelanggan tidak harus membenarkan mana-mana orang yang tidak dibenarkan untuk menggunakan dan mengakses Perkhidmatan e-Perbankan menggunakan Kodnya.

5.43 Pelanggan tidak harus menghasilkan semula, mengubah suai atau meniru Perkhidmatan e-Perbankan atau melakukan apa-apa tindakan yang tidak dibenarkan terhadap Perkhidmatan e-Perbankan.

5.44 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa beliau mengakses versi terkini Perkhidmatan e-Perbankan pada setiap masa.

5.45 Pelanggan tidak harus meninggalkan Perantinya tanpa pengawasan dengan cara yang membolehkan orang lain menggunakan dan mengakses Perkhidmatan e-Perbankan itu.

5.46 Pelanggan hendaklah membolehkan Perantinya yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan e-Perbankan dikunci.

Akses Profil

5.47 Bank menawarkan Paras Akses Profil berbilang di bawah Perkhidmatan e-Perbankan, seperti Profil Standard dan Profil Lihat Sahaja. Skop perkhidmatan yang boleh didapati oleh Pemegang Akaun di bawah Perkhidmatan e-Perbankan mungkin berbeza-beza bergantung pada Paras Akses Profil terpilih.

5.48 Pemegang Akaun boleh, pada bila-bila masa dan tertakluk pada keperluan prosedur keselamatan dan penentusahan, menukar Paras Akses Profil mereka melalui Perkhidmatan e-Perbankan.

Pengurusan Akaun

5.49 Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank berhak untuk membatalkan atau mengeluarkan mana-mana Akaun yang dipautkan kepada Perkhidmatan e-Perbankan sekiranya:-

(a) Untuk akaun deposit, ia telah ditutup atau ditamatkan oleh Pemegang Akaun atau Bank atas apa jua sebab;

(b) Untuk akaun kad kredit, ia telah ditamatkan oleh Pemegang Akaun atau Bank atas apa jua sebab;

(c) Untuk akaun pinjaman/pembiayaan, ia telah dibayar sepenuhnya oleh Pemegang Akaun.

Imbasan Tahap Keselamatan Peranti

5.50 Dengan menggunakan Aplikasi Mudah Alih Bank, Pelanggan mengakui dan mengizinkan Bank untuk membuat Imbasan Tahap Keselamatan Peranti dan bersetuju bahawa:-

(a) Bank tidak membuat representasi atau jaminan nyata atau tersirat bahawa dengan Imbasan Tahap Keselamatan Peranti itu, Peranti Mudah Alih Pelanggan bebas daripada apa-apa virus, kod hasad atau ciri lain yang merosakkan, yang boleh memberi kesan buruk kepada Peranti Mudah Alih Pelanggan;

(b) Bank mungkin memerlukan kerjasama Pelanggan untuk memadam atau menyahpasang aplikasi yang tidak sah bagi mencegah apa-apa serangan virus atau perisian hasad pada Peranti Mudah Alih dan/atau akaun perbankan Pelanggan, yang boleh diakses melalui Aplikasi Mudah Alih Bank yang dipasang pada Peranti Mudah Alih Pelanggan;

(c) Imbasan Tahap Keselamatan Peranti hanya diaktifkan apabila Pelanggan membuka Aplikasi Perbankan Mudah Alih Bank dan tidak berjalan atau kekal aktif dalam mod latar secara kekal;

(d) Tanpa mengambil kira perkara di atas, Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan Peranti Mudah Alih beliau selamat dan langkah keselamatan telah diambil bagi mengelakkan akses yang tidak dibenarkan kepada Perkhidmatan e-Perbankannya.

6. PENAFIAN

6.1 Bank telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan ketepatan maklumat, bahan dan kandungan yang diberi secara langsung dan eksklusif oleh Bank. Walaupun begitu, maklumat, bahan dan kandungan yang diberi oleh Bank dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga melalui laman web Bank atau Aplikasi Mudah Alih Bank disediakan atas dasar "sebagaimana adanya" dan dalam bentuk am dan tertakluk pada tanggungjawab Pelanggan untuk menerima nasihat guaman atau kewangan bebas seperti yang Pelanggan menganggap perlu.

6.2 Dengan menggunakan Perkhidmatan e-Perbankan, Pelanggan mengaku dan bersetuju:-

(a) Untuk menerima risiko sampingan yang berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil melalui internet;

(b) Bahawa Bank tidak membuat apa-apa perwakilan atau jaminan secara nyata atau tersirat berkaitan dengan Perkhidmatan e-Perbankan; dan

(c) Bahawa apa-apa urus niaga yang dimulakan oleh Pemegang Akaun pada apa- apa Akaun, termasuk tetapi tidak terhad pada urus niaga berulang atau dijadualkan, akan terus sah tanpa mengira:-

(i) Bahawa Akaun itu telah dipadam atau dikeluarkan daripada Perkhidmatan e-Perbankan tersebut; atau

(ii) Bahawa Perkhidmatan e-Perbankan itu telah ditamatkan.

6.3 Tertakluk pada fasal 6.1 di atas, tiada maklumat atau makluman secara lisan atau bertulis diberi oleh Bank, ejennya atau kakitangan Bank yang boleh mewujudkan jaminan atau dalam apa juga cara meningkatkan skop jaminan ini, dan Pelanggan tidak boleh bergantung pada maklumat atau makluman sedemikian.

6.4 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan tanpa prejudis terhadap mana-mana fasal di bawah Terma dan Syarat ini, Bank, termasuk mana-mana pengarah, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan berikutan daripada atau berkaitan dengan Perkhidmatan e-Perbankan atau penggunaan atau kegagalan untuk menggunakan Perkhidmatan e-Perbankan ini oleh Pelanggan atau berkaitan dengan apa-apa kelewatan, kesilapan, ketertinggalan, kerosakan, virus komputer atau kegagalan sistem.

6.5 Tanpa mengehadkan keluasan makna fasal di atas dan sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, ganti rugi atau keaiban yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga oleh sebab atau berikutan daripada:-

(a) Kegagalan Pelanggan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini;

(b) Akses, kegunaan dan kegagalan Pelanggan untuk mengakses atau menggunakan Perkhidmatan e-Perbankan dan/atau laman web lain yang dipautkan kepada Perkhidmatan e-Perbankan;

(c) Ketiadaan Perkhidmatan e-Perbankan;

(d) Apa-apa kesilapan, pengubahan atau penghapusan data atau maklumat kepada atau daripada Bank melalui Perkhidmatan e-Perbankan;

(e) Apa-apa kegagalan, penangguhan dalam transmisi, kesilapan akibat gangguan atau ketertinggalan oleh Bank, atau ejennya melainkan disebabkan oleh kecuaian atau kesilapan yang disengajakan oleh Bank;

(f) Apa-apa kandungan Perkhidmatan e-Perbankan yang tidak tepat, silap, rosak yang bukannya disebabkan oleh Bank atau laman web lain yang dipautkan kepada Perkhidmatan e-Perbankan;

(g) Apa-apa ketertinggalan, kelewatan dalam melaksanakan atau kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini;

(h) Bank bertindak atas arahan yang dihantar melalui penggunaan Kod;

(i) Bank bertindak atas arahan mana-mana penandatangan dibenarkan untuk akaun bersama;

(j) Apa-apa penipuan atau arahan yang tidak dibenarkan melainkan disebabkan oleh kecuaian atau kesilapan yang disengajakan oleh Bank;

(k) Akses kepada apa-apa laman yang dipautkan kepada Perkhidmatan e-Perbankan;

(l) Apa-apa gangguan atau serangan oleh mana-mana orang atau pihak ke atas perkakasan, perisian atau sistem yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan e-Perbankan atau di internet termasuk tetapi tidak terhad pada virus, kuda Trojan, cecacing dan/atau makro atau komponen berbahaya atau peranti yang melumpuhkan laim yang boleh menghentikan, menganggu atau melumpuhkan Perkhidmatan e-Perbankan atau mana-mana fungsinya;

(m) Apa-apa sekatan atau larangan bagi penggunaan Perkhidmatan e-Perbankan oleh mana-mana undang-undang atau peraturan mana-mana negara dari mana Pelanggan mengakses Perkhidmatan e-Perbankan;

(n) Apa-apa SMS, amaran/Makluman Transaksi/Paparan Notifikasi atau bayaran yang tidak dihantar atau terlewat dihantar yang diakibatkan oleh Peranti, penyedia penyemak seimbas Internet atau oleh Penyedia Perkhidmatan Rangkaian;

(o) Apa-apa kesilapan, kerugian, ganti rugi atau maklumat dan/atau Arahan yang diputar-belit, semasa transmisi maklumat dan/atau Arahan kepada atau daripada Pelanggan yang disebabkan oleh Peranti, penyedia penyemak seimbas Internet atau oleh Penyedia Perkhidmatan Rangkaian;

(p) Apa-apa kerosakan atau ketidakfungsian apa-apa Peranti, sistem atau perisian yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan e-Perbankan, sama ada milik Bank atau sebaliknya, termasuk tetapi tidak terhadap pada apa-apa terminal elektronik, pelayan atau sistem, peranti komunikasi, sambungan, elektrik, bekalan tenaga, rangkaian telekomunikasi atau komunikasi atau sistem lain;

(q) Kegagalan Pelanggan untuk mematuhi arahan dan prosedur terkini bagi kegunaan Perkhidmatan e-Perbankan; atau

(r) Kerosakan atau kehilangan apa-apa data atau arahan atau dalam transmisi sama ada melalui Perkhidmatan e-Perbankan atau sebaliknya yang digunakan oleh Bank atau mana-mana pihak ketiga sama ada berkaitan dengan Perkhidmatan e-Perbankan atau sebaliknya.

7. TANGGUNG RUGI

7.1 Selain daripada dan tanpa prejudis terhadap apa-apa hak atau remedi Bank (mengikut undang-undang atau sebaliknya) dan sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, Pelanggan akan menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap semua tuntutan, prosiding, tindakan, caj, kerugian, ganti rugi, kos (termasuk semua kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh), liabiliti, penalti, perbelanjaan dan semua cukai, duti dan levi yang kena dibayar atas kos, caj dan perbelanjaan yang Bank akan tanggung dan alami disebabkan oleh:-

(a) Ketidakpatuhan atau kemungkiran oleh Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini atau terma dan syarat lain yang diterima pakai ke atas Pelanggan;

(b) Bank bertindak menurut apa-apa Arahan yang dikatakan diberi kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini;

(c) Apa-apa perubahan dalam undang-undang yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa undang-undang percukaian atau peraturan mana- mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;

(d) Apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap Pelanggan bagi apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad pada penggunaan Perkhidmatan e-Perbankan yang menyalahi undang-undang, penipuan, kecuaian atau tanpa kebenaran;

(e) Apa-apa tindakan kecuaian dan/atau penipuan berikutan daripada tindakan atau perilaku Pelanggan;

(f) Pemeliharaan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;

(g) Pematuhan oleh Bank akan apa-apa penghakiman, perintah mahkamah, dikri, dekritif, undang-undang, peraturan atau perintah yang dikeluarkan oleh mana- mana tribunal atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa atas Bank;

(h) Apa-apa perlanggaran kerahsiaan atau apa-apa akibat daripada perlanggaran tersebut yang hendaklah termasuk apa-apa akses yang tidak dibenarkan atau yang menyalahi undang-undang kepada maklumat oleh mana-mana pihak ketiga.

8. PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN MELALUI APLIKASI MyPB (hanya diterima pakai kepada Pengguna Baharu)

8.1 Pengguna Baharu boleh memohon untuk membuka akaun simpanan dengan Bank. Permohonan bagi pembukaan akaun simpanan itu tertakluk pada sempurnanya proses penentusahan identiti (termasuk pengenalan muka dan menjawab soalan berkaitan dengan kredit peribadi) dan langkah-langkah lain yang perlu untuk Bank menyempurnakan penentusahan identiti dan pengemukaan dokumen yang diperlukan dan/atau maklumat yang diperlukan oleh Bank.

8.2 Akaun simpanan itu tertakluk pada terma dan syarat yang mengawal akaun simpanan yang boleh didapati melalui laman web bank. Apa-apa akaun simpanan yang berjaya dibuka melalui aplikasi MyPB akan ditawarkan bersama-sama dengan Perkhidmatan e-Perbankan.

8.3 Dengan mengemukakan dokumen dan/atau maklumat di bawah Fasal 8.1 di atas dan permohonan untuk membuka akaun simpanan melalui Aplikasi MyPB, Pengguna Baharu:-

(a) Mengesahkan bahawa akaun simpanan itu dibuka untuk kegunaannya sendiri dan bukannya bagi pihak mana-mana pihak ketiga;

(b) Mengesahkan bahawa beliau tidak menyenggara apa-apa Akaun dengan Bank;

(c) Mengesahkan bahawa beliau ialah warganegara Malaysia dan pemegang kad pengenalan Malaysia yang sah;

(d) Mengesahkan bahawa beliau berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas tetapi belum mencapai enam puluh (60) tahun pada tarikh permohonan;

(e) Mengesahkan bahawa beliau mempunyai akaun semasa dan/atau simpanan yang disenggara dengan bank lain di Malaysia;

(f) Mengesahkan bahawa beliau tidak bankrap atau tertakluk pada apa-apa prosiding kebankrapan;

(g) Mengesahkan bahawa beliau telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang mengawal akaun simpanan yang boleh didapati melalui laman web Bank;

(h) Bersetuju untuk memindahkan deposit permulaan minimum sebanyak RM20.00 dalam akaun simpanan yang dibuka melalui Aplikasi MyPB melalui DuitNow daripada akaun banknya yang dipegang dalam namanya sahaja yang disenggara dengan bank lain di Malaysia dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh akaun simpanan itu berjaya dibuka, jika tidak akaun simpanan itu secara automatik akan ditutup oleh Bank;

(i) Mengizinkan pengumpulan, perekodan, pemegangan, penyimpanan dan/atau pemprosesan data peribadi dan maklumat beliau yang lain oleh Bank dan/atau mana-mana kakitangan atau vendor yang dibenarkan oleh Bank dan mengesahkan bahawa beliau telah membaca, faham dan bersetuju untuk terikat dengan notis privasi yang dikeluarkan oleh Bank ("Notis Privasi") yang boleh didapati melalui laman web Bank.

(j) Mengesahkan bahawa sekiranya beliau memberi apa-apa data peribadi mana- mana individu pihak ketiga, beliau telah memperoleh keizinan daripada pihak ketiga tersebut sebelum mendedahkan data peribadinya kepada Bank bagi tujuan permohonan pembukaan akaun dan telah memberikan sesalinan Notis Privasi Bank kepada pihak ketiga yang bersetuju untuk mematuhinya;

(k) Mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberi kepada Bank bagi permohonan untuk pembukaan akaun simpanan itu adalah benar, betul dan lengkap.

8.4 Sebagai tambahan kepada fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Pengguna Baharu mengaku dan bersetuju bahawa Bank boleh membekukan, menggantung dan/atau menutup akaun simpanannya yang dibuka melalui Aplikasi MyPB atas apa juga sebab yang termasuk tetapi tidak terhad pada keadaan yang berikut:-

(a) Akaun simpanan itu disyaki akaun keldai;

(b) Akaun simpanan itu dibuka di bawah/dengan nama palsu atau kad pengenalan palsu Malaysia;

(c) Maklumat yang diberi oleh Pengguna Baharu didapati tidak tepat, tidak betul dan mengelirukan.

Sekiranya Bank memutuskan untuk menutup akaun simpanan itu mengikut fasal ini, Bank akan memaklumkan kepada Pengguna Baharu melalui SMS, e-mel atau cara komunikasi lain yang akan dipilih oleh Bank. Bagaimanapun, Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk memberi apa-apa sebab bagi penutupan akaun simpanan itu atau memberi maklum balas kepada permohonan untuk maklumat daripada Pengguna Baharu.

9. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN

9.1 Perkhidmatan e-Perbankan bertujuan untuk disediakan dua puluh empat (24) jam sehari, termasuk pada hari cuti. Bagaimanapun, Pelanggan mengakui bahawa pada waktu tertentu perkhidmatan tersebut mungkin tidak dapat diakses disebabkan oleh penyelenggaraan sistem atau sebab-sebab lain di luar kawalan Bank. Pelanggan mengakui bahawa walau apa pun yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, Bank tidak menjamin bahawa Perkhidmatan akan disediakan sepanjang masa tanpa gangguan.

Bank akan menggunakan usaha wajar untuk memaklumkan kepada Pelanggan mengenai pengendalian yang dijadualkan dengan memberi notifikasi kepada Pelanggan dengan cara yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.

9.2 Sekiranya mana-mana atau semua Perkhidmatan e-Perbankan tidak dapat diakses atas apa juga sebab, Pelanggan bersetuju untuk menggunakan cara alternatif dengan menjalankan urus niaga di mesin teler automatik ("ATM") atau dengan memberi arahan kepada Bank di mana-mana cawangan Bank.

10. KETERSEDIAAN DANA

10.1 Pemegang Akaun bersetuju dan menerima bahawa Bank berhak untuk menetapkan had dan syarat bagi semua urus niaga yang dijalankan oleh Pemegang Akaun melalui Perkhidmatan e-Perbankan. Pemegang Akaun selanjutnya bersetuju dan menerima bahawa urus niaga Pemegang Akaun termasuk pindahan dana terhad kepada had harian maksimum berkenaan yang akan dikenakan oleh Bank. Pemegang Akaun akan memastikan bahawa had ini dipatuhi.

10.2 Tertakluk pada hak Bank untuk menolak selesai dan apa-apa hak Bank yang akan diberi di bawah Terma dan Syarat ini atau undang-undang, Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan atau mengikut Arahan yang diberi atau urus niaga yang dijalankan oleh Pemegang Akaun kecuali Akaun Pemegang Akaun mempunyai dana yang mencukupi.

10.3 Sekiranya Akaun Pemegang Akaun terlebih dikeluarkan atas apa jua sebab termasuk pelaksanaan oleh Bank akan haknya untuk menolak selesai atau berikutan Bank melaksanakan Arahan Pemegang Akaun, Pemegang Akaun akan atas permintaan membayar kepada Bank amaun wang yang terlebih dikeluarkan itu dengan faedah/fi pada kadar yang ditentukan oleh Bank. Sehingga pembayaran itu diterima oleh Bank, Pemegang Akaun akan mengelak daripada melaksanakan apa-apa urus niaga dalam Akaun Pemegang akaun melalui Perkhidmatan e-Perbankan atau melalui apa-apa saluran lain.

11. REKOD

11.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa rekod dan butiran berkaitan dengan Akaun yang ditunjukkan dalam Perkhidmatan e-Perbankan mungkin tidak terkini kerana mungkin terdapat urus niaga yang dijalankan dan/atau Arahan yang diberi oleh Pelanggan yang menunggu untuk diproses oleh Bank pada waktu berkenaan. Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa rekod sedemikian dan butirannya tidak boleh dianggap sebagai bukti konklusif mengenai perkara berkaitan dengan Akaun.

11.2 Penyata Akaun yang disahkan dengan sewajarnya oleh pegawai dibenarkan Bank hendaklah muktamad dan konklusif dan mengikat ke atas Pemegang Akaun sebagai bukti mengenai semua urus niaga yang dijalankan atas Arahan Pemegang Akaun kecuali yang mengandungi kesilapan yang nyata.

12. PEMBAYARAN (TERMASUK JomPAY, PEMBAYARAN BIL, PEMBAYARAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN, KAD BAYARAN DAN TAMBAH NILAI PRABAYAR)

12.1 Bank boleh pada bila-bila masa, mengeluarkan mana-mana Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil daripada senarai Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil. Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang Pelanggan mungkin tanggung berikutan tindakan Bank itu.

12.2 Pemegang Akaun hendaklah mematuhi terma dan syarat setiap Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil berkenaan dengan pembayaran bil yang berkenaan.

12.3 Pemegang Akaun bersetuju dan mengakui bahawa sekurang-kurangnya tiga (3) hari diperlukan bagi penerimaan bayaran oleh Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil.

12.4 Pemegang Akaun mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya Perkhidmatan e-Perbankan digunakan untuk membuat bayaran bil kepada Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil, maklumat yang diberi oleh Pemegang Akaun untuk membuat bayaran tersebut akan dimaklumkan kepada Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil bagi tujuan untuk melaksanakan pembayaran Pemegang Akaun. Keizinan Pemegang Akaun bagi pendedahan maklumat kepada Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil dan kekal sah sehingga dibatalkan oleh Pemegang Akaun.

12.5 Sekiranya Pemegang Akaun membatalkan persetujuannya untuk mendedahkan maklumat kepada Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank tidak lagi dapat membuat bayaran kepada Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil berkenaan. Pemegang Akaun akan membuat pengaturan alternatif untuk melaksanakan pembayaran kepada Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil. Pemegang Akaun bersetuju bahawa beliau tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos, caj, penalti dan/atau perbelanjaan yang Pemegang Akaun mungkin tanggung atau alami berikutan daripada tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh Bank berikutan Pemegang Akaun membatalkan keizinannya.

13. PINDAHAN DANA (TERMASUK PINDAHAN KEPADA AKAUN PB, PINDAHAN KEPADA BANK LAIN DAN DUITNOW)

13.1 Apabila Pelanggan memindahkan dana dalam akaun pihak ketiga ("penerima bayaran"), Pemegang Akaun mengesahkan kepada Bank bahawa Pemegang Akaun telah memperoleh keizinan dan kelulusan daripada penerima bayaran untuk memberi kepada Bank nombor telefon mudah alih dan/atau alamat e-mel penerima bayaran. Nombor telefon mudah alih dan/atau e-mel itu akan digunakan oleh Bank seperti yang diarahkan oleh Pemegang Akaun untuk memaklumkan kepada penerima bayaran bahawa akaun penerima bayaran telah dikreditkan atau pindahan dana telah dibuat dalam akaun penerima bayaran.

14. HAK CIPTA DAN TANDA NIAGA

14.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua hak cipta, tanda niaga/tanda khidmat, paten, logo dan hak harta intelek atau lain-lain dalam Perkhidmatan e-Perbankan dan kandungan dalamnya (termasuk tetapi tidak terhad pada semua maklumat, butiran, grafik, data, fail, teks, rakaman bunyi dan turutan dan susunannya) hendaklah pada setiap masa diletak hak dan terus diletak hak dalam Bank, atau pemunya pihak ketiga lain yang berkaitan mengikut keadaan.

Tiada satu pun bahagian dalam Perkhidmatan e-Perbankan, boleh diterbitkan semula, disalin, diubah suai, diedarkan, diterbitkan, dihantar, disimpan, dilaksanakan, dilesenkan, dijual atau dipinda tanpa kebenaran bertulis orang yang dibenarkan oleh Bank atau pemunya pihak ketiga yang berkaitan mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kemasukan pautan kepada Perkhidmatan e-Perbankan pada mana-mana laman web lain, bingkai atau "mencerminkan" mana-mana kandungan Perkhidmatan e-Perbankan di laman web atau pelayan lain adalah dilarang melainkan dengan kebenaran bertulis nyata terlebih dahulu daripada orang yang dibenarkan oleh Public Bank Berhad atau pemunya pihak ketiga yang berkaitan mengikut mana-mana yang berkenaan.

14.2 Pelanggan memahami bahawa Perkhidmatan e-Perbankan, atau laman web Bank tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang, menggunakan kata-kata kesat, fitnah, lucah atau mengugut ataupun digunakan bertentangan dengan undang-undang atau keperluan pengawalseliaan.

15. PAUTAN

15.1 Pelanggan memahami bahawa Bank boleh memasukkan hiper pautan daripada atau kepada Perkhidmatan e-Perbankan yang dimiliki atau dikendalikan oleh pihak ketiga yang bukannya di bawah kawalan Bank dan/atau Kumpulan Public Bank.

15.2 Dengan menyediakan hiper pautan dalam Perkhidmatan e-Perbankan, Bank tidak menyokong dan tidak bertanggungjawab bagi apa-apa laman web yang dipautkan dan menolak apa-apa liabiliti bagi amalan privasi atau kandungan laman web yang dipautkan ini. Pelanggan memahami dan mengakui perlunya untuk menyemak semula Terma dan Syarat pautan yang dihasratkan, dasar dan apa-apa dokumen yang berkaitan untuk memahami akibat daripada kandungan atau perkhidmatan pihak ketiga sebelum digunakan.

15.3 Mana-mana orang yang membuat pautan kepada Perkhidmatan e-Perbankan ini tanpa kebenaran bertulis orang yang dibenarkan oleh Bank akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa tuntutan berikutan pautan yang tidak dibenarkan itu.

16. KOS DAN PERBELANJAAN

16.1 Pemegang Akaun bertanggungjawab atas semua kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak dihadkan kepada fi guaman) yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Terma dan Syarat ini, penggunaan Perkhidmatan e-Perbankan, penguatkuasaan atau cubaan pemeliharaan atau penguatkuasaan atau hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau apa-apa perkara berkaitan dengan Perkhidmatan e-Perbankan dan/atau Akaunnya.

17. PERUBAHAN DALAM PERLEMBAGAAN

17.1 Terma dan Syarat ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan, tanpa mengira apa-apa pindahan atau letak hak perniagaan, operasi, aset atau liabiliti Bank atau apa-apa perubahan daripada penggabungan, penyatuan, penstrukturan semula atau sebaliknya dalam perlembagaan Bank atau mana-mana syarikat yang perniagaan Bank dijalankan, dan akan disediakan kepada syarikat yang menjalankan perniagaan tersebut.

18. HAK UNTUK MENDEBIT

18.1 Pemegang Akaun membenarkan Bank untuk mendebit daripada Akaunnya, semua wang yang kena dibayar kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau berkaitan dengan Perkhidmatan e-Perbankan termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa fi dan perkhidmatan atau caj urus niaga dan apa-apa cukai berkenaan yang berkaitan dengan Perkhidmatan e-Perbankan, dengan memberi makluman kepadanya.

19. HAK UNTUK MENOLAK SELESAI

19.1 Sebagai tambahan kepada hak tolak selesai am di bawah undang-undang dan perjanjian lain, Pemegang Akaun membenarkan Bank, selepas memberi notis bertulis selama tujuh (7) hari terlebih dahulu, untuk menolak selesai apa-apa jumlah yang terdapat dalam kredit apa-apa akaun termasuk Akaun ("Baki Kredit") bagi memenuhi liabiliti Pemegang Akaun, sama ada semasa, masa hadapan, sebenar atau luar jangkaan, bersesama atau berasingan, kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau mana-mana perjanjian lain.

19.2 Selepas notis yang menyatakan fasal di atas dikeluarkan, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menguntukkan atau meletakkan pegangan pada Baki Kredit sebelum menolak selesai. Pemegang Akaun tidak layak untuk mengeluarkan Baki Kredit tanpa kebenaran bertulis daripada Bank.

19.3 Sekiranya tolak selesai memerlukan penukaran satu mata wang ke dalam satu mata wang lain, penukaran tersebut akan dikira pada kadar penukaran semerta semasa Bank seperti yang ditentukan oleh Bank.

20. HAK UNTUK MEMBUAT PELARASAN

20.1 Bank berhak untuk menyelaras apa-apa entri dalam rekodnya sekiranya terdapat kesilapan atau kesalahan pada entri tersebut.

21. PERALATAN DAN AKSES RANGKAIAN

21.1 Pelanggan, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, bertanggungjawab bagi pembelian, kos, pemasangan, penyelenggaraan, penggunaan dan pembaikan (jika ada) Peranti atau peralatan dan perisian telekomunikasi ("Peralatan tersebut") lain yang perlu untuk Pelanggan mengakses Internet dan Perkhidmatan e-Perbankan. Peralatan tersebut hendaklah mengikut spesifikasi, jika perlu, seperti mana yang ditentukan oleh Bank.

21.2 Pelanggan akan bertanggungjawab atas semua caj telekomunikasi yang perlu ditanggung, termasuk caj langganan, fi dan caj lain yang dikenakan oleh Penyedia Perkhidmatan Rangkaian dan mana-mana pihak ketiga yang lain.

22. FI DAN CAJ

22.1 Pelanggan perlu membayar fi dan caj bagi penggunaan Perkhidmatan e-Perbankan. Bank akan menyemak semula fi dan caj dari semasa ke semasa selepas memberi notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan. Semakan semula itu akan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam notis berkenaan. Dengan terus mengakses atau menggunakan Perkhidmatan e-Perbankan selepas notifikasi berkenaan, Pelanggan akan dianggap sebagai telah bersetuju dan menerima semakan semula itu. Kadar semasa atas fi dan caj akan disediakan untuk Pelanggan di cawangan Bank, laman web Bank atau apabila diminta oleh Pelanggan.

23. PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN

23.1 Bank boleh, dengan notis terlebih dahulu, menggantung atau menamatkan hak Pelanggan untuk mengguna dan mengakses Perkhidmatan e-Perbankan atau mana-mana bahagian daripadanya.

23.2 Tanpa mengira apa pun fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh menggantung atau menamatkan hak Pelanggan untuk menggunakan dan mengakses Perkhidmatan e-Perbankan dengan segera sekiranya:-

(a) Pelanggan mengugut untuk memungkiri atau telah memungkiri mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini;

(b) Pemegang Akaun tidak lagi menyenggara apa-apa akaun dengan Bank yang boleh diakses melalui Perkhidmatan e-Perbankan;

(c) Akses Pelanggan kepada Perkhidmatan e-Perbankan disekat oleh Bank atau mana-mana pihak lain atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad pada pematuhan kepada perintah mahkamah;

(d) Pelanggan meninggal dunia atau menjadi hilang upaya, tidak siuman, tak solven, bankrap atau tertakluk pada prosiding kehakiman;

(e) Pada bila-bila masa selepas permohonan Pelanggan diluluskan bagi penggunaaan dan akses Perkhidmatan e-Perbankan, undang-undang dan peraturan yang mengawal Bank menjadikannya menyalahi undang-undang, tidak sah dan tidak mungkin untuk Bank untuk memberikan kepada Pelanggan atau untuk terus memberikan kepada Pelanggan penggunaan Perkhidmatan e-Perbankan atau memenuhi tanggungjawab Bank di bawah Terma dan Syarat ini;

(f) Terdapat siasatan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawalselia yang masih dijalankan atau dikenakan terhadap Pelanggan;

(g) Terdapat laporan polis yang dibuat terhadap Pelanggan di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;

(h) Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Perkhidmatan e-Perbankan ini digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang;

(i) Apa-apa siasatan sedang dijalankan oleh Bank ke atas Pelanggan;

(j) Apa-apa siasatan sedang dijalankan oleh Bank ke atas Akaun Pemegang Akaun dan/atau urus niaga yang berkaitan dengan Akaun Pemegang Akaun; atau

(k) Pelanggan pada bila-bila masa atau di bawah apa-apa keadaan:-

(i) Mendedahkan maklumat log masuk Perkhidmatan e-Perbankan beliau kepada apa-apa laman web atau aplikasi mudah alih pihak ketiga;

(ii) Membenarkan akses terhadap maklumat Pelanggan kepada apa-apa laman web atau aplikasi mudah alih pihak ketiga, yang membolehkan pihak ketiga mengakses Akaun dan/atau maklumat perbankan Pelanggan melalui Perkhidmatan e-Perbankan.

23.3 Pelanggan boleh menamatkan penggunaan dan akses Pelanggan kepada Perkhidmatan e-Perbankan dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank. Perkhidmatan e-Perbankan itu akan ditamatkan, dibatalkan dan/atau ditarik balik dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan notis penamatan oleh Bank.

Pelanggan bersetuju untuk tidak menggunakan Perkhidmatan e-Perbankan bermula pada tarikh notis penamatan Pelanggan dan seterusnya bersetuju bahawa Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan arahan Pelanggan yang diterima pada hari selepas penerimaan notis penamatan Pelanggan.

Bagaimanapun, sekiranya Pelanggan terus menggunakan Perkhidmatan e-Perbankan selepas memaklumkan kepada Bank tentang penamatan Perkhidmatan e-Perbankan itu, Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan berkaitan hal ini setakat mana dibenarkan oleh undang-undang.

23.4 Bagi Akaun Bersama, setiap Pemegang Akaun bagi Akaun Bersama itu bersetuju bahawa notis penamatan bagi Perkhidmatan e-Perbankan boleh diberi oleh salah seorang penandatangan Akaun Bersama itu dan notis penamatan itu hendaklah mengikat ke atas semua Pemegang Akaun bagi Akaun Bersama itu.

23.5 Pelanggan mengaku bahawa penamatan tidak akan menjejaskan liabiliti atau tanggungjawab Pelanggan berkaitan dengan arahan yang telah diproses dan/atau dilaksanakan oleh Bank bagi pihak Pelanggan sebelum penamatan dan/atau pembatalan akses Pelanggan kepada Perkhidmatan e-Perbankan dilaksanakan.

24. PENDEDAHAN

24.1 Selain daripada pendedahan yang dibenarkan di bawah apa-apa undang-undang yang bertulis, Pelanggan bersetuju dan memberi keizinannya kepada Bank (termasuk kakitangan, ejen atau orang yang Bank mungkin beri akses kepada rekodnya berkaitan dengan Pelanggan atau penggunaan atau akses Pelanggan kepada Perkhidmatan e-Perbankan) untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Pelanggan dan penggunaan dan akses Pelanggan kepada Perkhidmatan e-Perbankan kepada mereka yang berikut:-

(a) Mana-mana satu atau lebih ahli dalam Kumpulan Public Bank bagi tujuan:-

(i) Pelaporan;

